



TATACARA PERAKAUNAN BILANGAN 4 TAHUN 2026

GERAN PENYELIDIKAN TERTUNDA

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

TARIKH KUAT KUASA: 1 JANUARI 2026

**Diedarkan kepada:
Semua Staf Jabatan Bendahari**

KANDUNGAN

1.	TUJUAN	3
2.	LATAR BELAKANG	3
3.	TAKRIFAN	3
4.	PIAWAIAN PERAKAUNAN.....	4
5.	POLISI PERAKAUNAN USM	5
6.	CARTA AKAUN	6
7.	TATACARA PERAKAUNAN.....	7
	7.1 Geran Penyelidikan Secara Khusus	7
	7.2 Geran Penyelidikan Secara Pukal.....	12
8.	TARIKH KUATKUASA.....	17



TATACARA PERAKAUNAN BILANGAN 4 TAHUN 2026 GERAN PENYELIDIKAN TERTUNDA

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan tatacara perakaunan bagi transaksi Geran Penyelidikan Tertunda.

2. LATAR BELAKANG

USM menggunakan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dalam penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti. Tatacara mengakaunkan transaksi bagi geran penyelidikan dirangka bagi mematuhi MPSAS dan Polisi Perakaunan USM.

3. TAKRIFAN

Dalam garis panduan ini, melainkan maksudnya memerlukan demikian, maksud perkataan-perkataan berikut ialah:

3.1 Geran Penyelidikan

Geran yang diterima daripada pelbagai sumber iaitu kerajaan, badan swasta dan badan antarabangsa untuk menjalankan aktiviti penyelidikan untuk mencapai objektif yang ditetapkan oleh pemberi geran dalam tempoh tertentu. Geran disalurkan secara khusus atau pukal kepada Universiti.

3.2 Penerimaan Geran Penyelidikan Secara Khusus

Geran yang diterima daripada agensi luar sama ada tempatan atau antarabangsa secara khusus bagi satu-satu projek penyelidikan yang telah diluluskan. Geran diakaunkan secara khusus kepada projek tersebut sebaik sahaja geran diterima atau invoice dikeluarkan kepada penaja.

3.3 Penerimaan Geran Penyelidikan Secara Pukal

Geran yang diterima secara pukal daripada sumber kerajaan bagi projek-projek penyelidikan dalam pelbagai bidang. Penerimaan geran diakaunkan kepada satu akaun utama (tabung). Agihan peruntukan yang diluluskan oleh Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan (RCMO) akan dikeluarkan daripada akaun utama dan diakaunkan kepada projek-projek penyelidikan.

3.4 Belanja

- a. Belanja adalah pengurangan dalam manfaat ekonomik atau potensi perkhidmatan dalam tempoh pelaporan dalam bentuk aliran keluar atau penggunaan aset atau pengwujudan liabiliti yang mengakibatkan

pengurangan dalam aset bersih atau ekuiti selain daripada pengurangan berkaitan agihan kepada pemilik.

- b. Terdapat dua (2) kategori perbelanjaan iaitu perbelanjaan dipermodalkan atau perbelanjaan biasa. Perbelanjaan dipermodalkan dikategorikan di bawah Jenis Akaun Aset (A) manakala perbelanjaan biasa dikategorikan di bawah Jenis Akaun Belanja (B).
- c. Perbelanjaan dipermodalkan terdiri daripada pembelian Aset Dipermodalkan. Pengiktirafan Aset Dipermodalkan perlu mematuhi MPSAS dan Polisi Perakaunan USM.
- d. Perbelanjaan Aset Tidak Dipermodalkan dan Aset Bernilai Rendah yang bernilai kurang daripada RM3,000.00 setiap unit dilaporkan sebagai perbelanjaan biasa di bawah Kelas Akaun B0300000 Aset Tidak Dipermodalkan.
- e. Perbelanjaan di bawah Kelas Akaun B0100000-B0700000 memerlukan peruntukan tahunan.
- f. Perbelanjaan selain daripada Kelas Akaun B0100000-B0700000 pula tidak memerlukan peruntukan tahunan dan diakaunkan selaras dengan Polisi Perakaunan USM yang berkaitan.

3.5 Pelunasan

Pelunasan adalah pengiktirafan hasil daripada pelunasan geran penyelidikan tertunda setelah obligasi dipenuhi dan mencapai objektif yang ditetapkan oleh penaja.

4. PIAWAIAN PERAKAUNAN

Garis panduan ini disediakan seperti yang dikehendaki oleh Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS) dan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) di bawah perkara berikut:

4.1 MPSAS 23 - Hasil Daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

MPSAS 23 Perenggan 50

Obligasi diiktiraf berpunca daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran yang memenuhi takrif liabiliti apabila:

- a) ada kemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomik masa depan atau potensi perkhidmatan akan diperlukan bagi menyelesaikan obligasi tersebut; dan
- b) anggaran yang munasabah dapat dibuat bagi amaun obligasi.

4.2 MPSAS 9 - Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran

MPSAS 9 Perenggan 19

Apabila hasil bagi satu urus niaga yang melibatkan penyediaan perkhidmatan boleh dianggarkan dengan pasti, maka hasil yang berkaitan dengan urus niaga itu perlu diiktiraf dengan merujuk kepada tahap kesempurnaan urus niaga tersebut pada tarikh pelaporan. Keputusan daripada sesuatu urus niaga boleh dianggarkan dengan pasti apabila semua syarat berikut dipenuhi:

- a) Amaun hasil boleh diukur dengan pasti;
- b) Terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomik atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada entiti;
- c) Tahap kesempurnaan urus niaga pada tarikh pelaporan boleh diukur dengan pasti; dan
- d) Kos yang ditanggung untuk urus niaga dan kos untuk menyempurnakan urus niaga itu boleh diukur dengan pasti.

MPSAS 9 Perenggan 24

Secara praktikalnya, apabila perkhidmatan dilaksanakan melalui beberapa aktiviti yang tidak dapat ditentukan dalam tempoh masa yang dinyatakan, maka hasil diiktiraf atas asas garis lurus sepanjang tempoh masa yang dinyatakan, kecuali terdapat bukti bahawa ada kaedah lain yang dapat menunjukkan tahap kesempurnaan dengan lebih baik. Apabila aktiviti tertentu adalah lebih signifikan daripada mana-mana aktiviti lain, maka pengiktirafan hasil ditangguhkan sehingga aktiviti yang lebih signifikan itu dilaksanakan.

MPSAS 9 Perenggan 25

Apabila keputusan daripada urus niaga yang melibatkan penyediaan perkhidmatan tidak dapat dianggarkan dengan munasabah, maka hasil akan diiktiraf hanya setakat perbelanjaan yang telah diiktiraf, yang boleh dipulih semula.

4.3 MFRS 20- Government Grants

MFRS 20 Para 12

Government grants shall be recognised as income over the periods necessary to match them with the related costs which they are intended to compensate, on a systematic basis. They shall not be credited directly to shareholders' interests.

20.7. Government grants, including non-monetary grants at fair value, shall not be recognised until there is reasonable assurance that:

- (a) the entity will comply with the conditions attaching to them; and*
- (b) the grants will be received.*

5. POLISI PERAKAUNAN USM

Urus Niaga Bukan Pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomik masa hadapan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus Niaga Bukan Pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap suatu liabiliti telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun dibawa liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

6. CARTA AKAUN

6.1 Akaun

6.1.1 Struktur Akaun

Carta akaun telah dibentuk bagi tujuan perekodan transaksi geran penyelidikan tertunda seperti berikut:

Kod	Nama	Keterangan
L1200000 Kelas Akaun	Akaun Amanah	Memperakaunkan terimaan, bayaran dan pelarasan terimaan wang daripada organisasi/ atau orang perseorangan yang diamanahkan kepada USM untuk tujuan tertentu.
L1221000 Siri Akaun	Geran Penyelidikan Tertunda	Memperakaunkan terimaan, bayaran dan pelarasan yang dibenarkan selaras dengan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang ditentukan oleh pemberi geran penyelidikan dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun dibawa liabiliti yang telah memenuhi syarat.
H0100000 Kelas Akaun	Hasil Daripada Urusniaga Bukan Pertukaran	Memperakaunkan hasil daripada urusniaga yang diiktiraf atau diterima oleh Universiti tanpa nilai pulangan perkhidmatan.
H0183000 Siri Akaun	Pelunasan Geran Tertunda	Memperakaunkan semua pelunasan geran tertunda yang diterima daripada Kerajaan/ agensi.

6.1.2 Kod Akaun

Kod Akaun yang dibentuk bagi tujuan perekodan transaksi Geran Penyelidikan Tertunda adalah seperti berikut:

Kod Akaun	Nama Akaun
L1221001	Ekuiti Awal Tahun/Modal Asal
L1221002	Terimaan Tahun Semasa
L1221003	Pelunasan Tahun Semasa - Belanja
L1221004	Pelunasan Tahun Semasa - Susut Nilai
L1221005	Pindahan Antara Projek Tahun Semasa
L1221006	Bayaran Balik Tahun Semasa
L1221007	Terimaan Projek Belum Diagih
H0183201	Pelunasan Geran Penyelidikan

6.2 Sub Akaun

Setiap projek penyelidikan yang diluluskan akan diberikan satu kod khusus yang dinamakan Sub Akaun untuk digunakan dalam pengurusan kewangan projek penyelidikan termasuk pengurusan sumber manusia.

Sub Akaun merupakan kombinasi kod yang terdiri daripada lima (5) segmen yang mempunyai maksud khusus. Transaksi yang melibatkan geran penyelidikan tertunda boleh ditentukan melalui Segmen 1 - Kumpulan Wang.

Kumpulan wang adalah pengkelasan program mengikut sifat, pengendalian dan pengurusan sumber dana berdasarkan terma rujukan yang ditetapkan. Kumpulan Wang yang terlibat dalam perekodan transaksi geran penyelidikan tertunda adalah seperti berikut:

Kod KW	Nama KW
R502	Universiti Penyelidikan
R503	Pembangunan Penyelidikan
R504	Penyelidikan Agensi Luar

Sub Akaun bagi projek penyelidikan diperincikan dalam Panduan Pengurusan Kewangan Penyelidikan Universiti Sains Malaysia.

7. TATACARA PERAKAUNAN

Tatacara perakaunan untuk transaksi Geran Penyelidikan Tertunda adalah seperti berikut:

7.1 Geran Penyelidikan Secara Khusus

7.1.1 Terimaan

Setiap kampus menerima geran secara khusus daripada kerajaan, badan swasta dan badan antarabangsa. Terimaan geran perlu diakaunkan sebagai geran tertunda disebabkan ianya merupakan tanggungjawab USM untuk memenuhi obligasi dan mencapai objektif yang ditetapkan oleh penaja.

Terimaan diakaunkan ke **akaun projek penyelidikan** menggunakan dokumen resit/invois. Transaksi ini direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Bank	A0111108 (M100-UR-000000-00000000000-0000)
Kredit	Terimaan Tahun Semasa – Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan)	L1221002 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)

7.1.2 Peruntukan

Kelulusan agihan peruntukan mengikut projek penyelidikan dilaksanakan secara berperingkat oleh RCMO atau Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang mengurus projek penyelidikan. Tindakan muatnaik agihan peruntukan adalah terhad kepada amaun geran tertunda.

Sekiranya geran telah diterima tetapi peruntukan akan dimuatnaik secara berfasa, peruntukan yang tidak dimuatnaik perlulah dipindahkan ke akaun terimaan yang belum diagih. Transaksi ini direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Terimaan Tahun Semasa – Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan)	L1221002 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Terimaan Projek Belum Diagih – Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan)	L1221007 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)

7.1.3 Perbelanjaan Biasa

- a. Perbelanjaan biasa yang diakaunkan di bawah kategori belanja B0100000–B0700000 dan **tertakluk kepada pelunasan geran penyelidikan** direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Belanja (Projek Penyelidikan)	B0227703 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Pemiutang Perniagaan	L0191101 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)

- b. Pembayaran kepada pembekal direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Pemiutang Perniagaan	L0191101 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Bank	A0111108 (M100-UR-000000-0000000000-0000)

7.1.4 Perbelanjaan Dipermodalkan (Pembelian Aset)

- a. Pembelian aset diakaunkan di bawah A1400000 (Hartanah, Loji dan Peralatan) dan A2300000 (Aset Tak Ketara) adalah **tertakluk kepada pelunasan geran penyelidikan**. Pembelian aset direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Hartanah, Loji dan Peralatan (Projek Penyelidikan)	A1435201 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Pemiutang Perniagaan (Projek Penyelidikan)	L0191101 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)

- b. Pembayaran kepada pembekal direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Pemiutang Perniagaan (Projek Penyelidikan)	L0191101 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Bank	A0111108 (M100-UR-000000-0000000000-0000)

- c. Perbelanjaan susut nilai aset bulanan diakaunkan secara automatik setelah aktiviti penjanaan susut nilai dijalankan menggunakan modul Fixed Asset. Perbelanjaan ini **tidak tertakluk kepada pelunasan geran penyelidikan**. Transaksi direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Belanja Susut Nilai - Hartanah, Loji dan Peralatan (Projek Penyelidikan)	B3135201 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Susut Nilai Berkumpul - Hartanah, Loji dan Peralatan (Projek Penyelidikan)	A3135201 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)

7.1.5 Pelunasan

Pelunasan Geran Penyelidikan Tertunda **secara bulanan** mengikut projek penyelidikan. Jumlah pelunasan mengambilkira perkara berikut:

- a. Perbelanjaan Biasa
- b. Perbelanjaan Dipermodalkan (Pembelian Aset)

Transaksi pelunasan secara **bulanan** menggunakan dokumen jurnal dan direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Pelunasan Tahun Semasa - Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan)	L1221003 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Pelunasan Geran Penyelidikan (Projek Penyelidikan)	H0183201 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)

Nota: Transaksi ini direkodkan secara manual ke modul General Ledger

7.1.6 Tamat / Beku

Projek penyelidikan yang telah tamat/beku mempunyai dua kategori yang mana baki perlu dipulangkan dan baki yang dimasukkan ke dalam Tabung Penyelidikan USM.

- a. Baki Dipulangkan (Bayaran Balik)
 - i. Bayaran balik baki geran direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Bayaran Balik Tahun Semasa - Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan)	L1221006 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Pemiutang Perniagaan (Projek Penyelidikan)	L0191101 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)

- ii. Pembayaran kepada penaja direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Pemiutang Perniagaan (Projek Penyelidikan)	L0191101 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Bank	A0111108 (M100-UR-000000-0000000000-0000)

b. Baki Tidak Dipulangkan

Tatacara perakaunan untuk pindahan baki geran yang tidak dipulangkan direkodkan seperti berikut:

i. Pindahan lebihan geran kepada Tabung Penyelidikan Universiti

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Pemberian Dalam Negeri (Projek Penyelidikan)	B0442204 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Sumbangan (Tabung Projek)	H0177406 (R501-LR-RND001-0000666001-0000)

ii. Pelunasan pemberian

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Pelunasan Tahun Semasa - Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan)	L1221003 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Pelunasan Geran Penyelidikan (Projek Penyelidikan)	H0183201 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)

7.1.7 Pindahan Baki Projek

Tatacara perakaunan untuk pindahan antara projek penyelidikan yang diluluskan oleh Universiti adalah seperti berikut:

a. Pindahan lebihan geran kepada projek baharu

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Pindahan Antara Projek Tahun Semasa -Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Asal)	L1221005 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Pindahan Antara Projek Tahun Semasa -Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Baharu)	L1221005 (R504-LR-GAL004-0000656000-K145)

b. Pengkelasan semula projek dalam tahun diluluskan

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Terimaan Tahun Semasa – Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Asal)	L1221002 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Debit	Belanja (Projek Penyelidikan Baharu)	B0100000-B0700000 (R504-LR-GAL004-0000656000-K145)
Debit	Pelunasan Tahun Semasa - Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Baharu)	L1221003 (R504-LR-GAL004-0000656000-K145)
Debit	Pelunasan Geran Penyelidikan (Projek Penyelidikan Asal)	H0183201 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Terimaan Tahun Semasa – Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Baharu)	L1221002 (R504-LR-GAL004-0000656000-K145)

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Kredit	Belanja (Projek Penyelidikan Asal)	B0100000-B0700000 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Pelunasan Tahun Semasa - Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Asal)	L1221003 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Pelunasan Geran Penyelidikan (Projek Penyelidikan Baharu)	H0183201 (R504-LR-GAL004-0000656000-K145)

c. Pengkelasan semula projek melangkau tahun diluluskan

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Baki Awal Tahun – Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Asal)	L1221001 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Debit	Terimaan Tahun Semasa – Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Asal)	L1221002 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Debit	Belanja (Projek Penyelidikan Baharu)	B0100000-B0700000 (R504-LR-GAL004-0000656000-K145)
Debit	Pelunasan Tahun Semasa - Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Baharu)	L1221003 (R504-LR-GAL004-0000656000-K145)
Debit	Pelunasan Geran Penyelidikan (Projek Penyelidikan Asal)	H0183201 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Baki Awal Tahun – Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Baharu)	L1221001 (R504-LR-GAL004-0000656000-K145)
Kredit	Terimaan Tahun Semasa – Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Baharu)	L1221002 (R504-LR-GAL004-0000656000-K145)
Kredit	Belanja (Projek Penyelidikan Asal)	B0100000-B0700000 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Pelunasan Tahun Semasa - Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Asal)	L1221003 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Pelunasan Geran Penyelidikan (Projek Penyelidikan Baharu)	H0183201 (R504-LR-GAL004-0000656000-K145)

7.1.8 Laporan

Penyediaan laporan Geran Penyelidikan Tertunda disediakan secara suku tahunan dan tahunan mengikut format yang berkuat kuasa.

7.1.9 Perekodan Baki Awal Tahun

Baki awal tahun geran penyelidikan merupakan aktiviti tahunan bagi merekodkan baki bersih geran penyelidikan tertunda tahun sebelumnya.

Perekodan baki awal tahun geran penyelidikan tertunda disediakan selepas Penyata Kewangan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit.

Baki awal tahun geran penyelidikan direkodkan pada bulan pertama tahun kewangan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Baki Awal Tahun – Geran Penyelidikan Tertunda (terkumpul tahun terdahulu)	L1221001 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Debit	Terimaan Tahun Semasa – Geran Penyelidikan Tertunda (terkumpul tahun terdahulu)	L1221002 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Debit / Kredit	Pindahan Antara Projek Tahun Semasa -Geran Penyelidikan Tertunda (terkumpul tahun terdahulu)	L1221005 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Pelunasan Tahun Semasa - Geran Penyelidikan Tertunda (terkumpul tahun terdahulu)	L1221003 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)
Kredit	Baki Awal Tahun – Geran Penyelidikan Tertunda (baki bersih tahun terdahulu)	L1221001 (R504-LR-GAL007-0000650866-A118)

Nota: Baki awal tahun di akaun L1221001 mesti sama dengan baki keseluruhan projek tahun lalu

7.2 Geran Penyelidikan Secara Pukal

7.2.1 Terimaan

Kampus Induk menerima geran secara pukal daripada Kerajaan. Terimaan geran perlu diakaunkan sebagai geran tertunda disebabkan ianya merupakan tanggungjawab USM untuk memenuhi obligasi dan mencapai objektif yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Terimaan diakaunkan ke **akaun utama (tabung)** menggunakan dokumen resit. Transaksi ini direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Bank	A0111108 (M100-UR-000000-0000000000-0000)
Kredit	Terimaan Tahun Semasa – Geran Penyelidikan Tertunda (Akaun Utama)	L1221002 (R502-KR-000000-0000000000-0000)

7.2.2 Peruntukan

RCMO meluluskan agihan peruntukan mengikut projek penyelidikan secara berperingkat. Tindakan muatnaik agihan peruntukan terhad kepada amaun geran tertunda.

Penyaluran terimaan geran daripada akaun utama kepada projek-projek penyelidikan direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Terimaan Tahun Semasa – Geran Penyelidikan Tertunda (Akaun Utama)	L1221002 (R502-KR-000000-0000000000-0000)
Kredit	Terimaan Tahun Semasa – Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan)	L1221002 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)

7.2.3 Perbelanjaan Biasa

- a. Perbelanjaan biasa yang diakaunkan di bawah kategori belanja B0100000–B0700000 dan **tertakluk kepada pelunasan geran penyelidikan** direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Belanja (Projek Penyelidikan)	B0227703 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Kredit	Pemiutang Perniagaan	L0191101 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)

- b. Pembayaran kepada pembekal direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Pemiutang Perniagaan	L0191101 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Kredit	Bank	A0111108 (M100-UR-000000-0000000000-0000)

7.2.4 Perbelanjaan Dipermodalkan (Pembelian Aset)

- a. Pembelian aset diakaunkan di bawah A1400000 (Hartanah, Loji dan Peralatan) dan A2300000 (Aset Tak Ketara) adalah **tertakluk kepada pelunasan geran penyelidikan**. Pembelian aset direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Hartanah, Loji dan Peralatan (Projek Penyelidikan)	A1435201 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Kredit	Pemiutang Perniagaan (Projek Penyelidikan)	L0191101 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)

- b. Pembayaran kepada pembekal direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Pemiutang Perniagaan (Projek Penyelidikan)	L0191101 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Kredit	Bank	A0111108 (M100-UR-000000-0000000000-0000)

- c. Perbelanjaan susut nilai aset bulanan diakaunkan secara automatik setelah aktiviti penjanaan susut nilai dijalankan menggunakan modul Fixed Asset. Perbelanjaan ini **tidak tertakluk kepada pelunasan geran penyelidikan**. Transaksi direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Belanja Susut Nilai - Hartanah, Loji dan Peralatan (Projek Penyelidikan)	B3135201 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Kredit	Susut Nilai Berkumpul - Hartanah, Loji dan Peralatan (Projek Penyelidikan)	A3135201 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)

7.2.5 Pelunasan

Pelunasan Geran Penyelidikan Tertunda **secara bulanan** mengikut projek penyelidikan. Jumlah pelunasan mengambilkira perkara berikut:

- a. Perbelanjaan Biasa
- b. Perbelanjaan Dipermodalkan (Pembelian Aset)

Transaksi pelunasan secara **bulanan** menggunakan dokumen jurnal dan direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Pelunasan Tahun Semasa - Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan)	L1221003 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Kredit	Pelunasan Geran Penyelidikan (Projek Penyelidikan)	H0183201 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)

Nota: Transaksi ini direkodkan secara manual ke modul General Ledger

7.2.6 Tamat / Beku

- a. Pindahan lebihan geran bagi projek tamat/beku kepada Akaun Lebihan Geran:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Pindahan Antara Projek Tahun Semasa -Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan)	L1221005 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Kredit	Pindahan Antara Projek Tahun Semasa -Lebihan Projek (Akaun Lebihan Geran)	L1221005 (R502-KR-TBG502-0000002200-K134)

- b. Bayaran Balik Baki Geran

- i. Bayaran balik baki geran diakaunkan menggunakan dokumen baucar. Transaksi direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Bayaran Balik Tahun Semasa - Geran Penyelidikan Tertunda (Akaun Utama)	L1221006 (R502-KR-000000-0000000000-0000)
Kredit	Pemiutang Perniagaan (Akaun Utama)	L0191101 (R502-KR-000000-0000000000-0000)

- ii. Pembayaran kepada kerajaan direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Pemiutang Perniagaan (Akaun Utama)	L0191101 (R502-KR-000000-0000000000-0000)
Kredit	Bank	A0111108 (M100-UR-000000-0000000000-0000)

7.2.7 Pindahan antara Projek

Tatacara perakaunan untuk pindahan antara projek penyelidikan yang diluluskan oleh Universiti adalah seperti berikut:

a. Pindahan lebihan geran kepada projek baharu

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Pindahan Antara Projek Tahun Semasa -Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Asal)	L1221005 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Kredit	Pindahan Antara Projek Tahun Semasa -Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Baharu)	L1221005 (R502-KR-ARU001-0008012301-K134)

b. Pengkelasan semula projek dalam tahun diluluskan

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Terimaan Tahun Semasa – Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Asal)	L1221002 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Debit	Belanja (Projek Penyelidikan Baharu)	B0100000-B0700000 (R502-KR-ARU001-0008012301-K134)
Debit	Pelunasan Tahun Semasa - Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Baharu)	L1221003 (R502-KR-ARU001-0008012301-K134)
Debit	Pelunasan Geran Penyelidikan (Projek Penyelidikan Asal)	H0183201 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Kredit	Terimaan Tahun Semasa – Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Baharu)	L1221002 (R502-KR-ARU001-0008012301-K134)
Kredit	Belanja (Projek Penyelidikan Asal)	B0100000-B0700000 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Kredit	Pelunasan Tahun Semasa - Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Asal)	L1221003 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Kredit	Pelunasan Geran Penyelidikan (Projek Penyelidikan Baharu)	H0183201 (R502-KR-ARU001-0008012301-K134)

c. Pengkelasan semula projek melangkau tahun diluluskan

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Baki Awal Tahun – Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Asal)	L1221001 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Debit	Terimaan Tahun Semasa – Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Asal)	L1221002 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Debit	Belanja (Projek Penyelidikan Baharu)	B0100000-B0700000 (R502-KR-ARU001-0008012301-K134)
Debit	Pelunasan Tahun Semasa - Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Baharu)	L1221003 (R502-KR-ARU001-0008012301-K134)

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Pelunasan Geran Penyelidikan (Projek Penyelidikan Asal)	H0183201 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Kredit	Baki Awal Tahun – Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Baharu)	L1221001 (R502-KR-ARU001-0008012301-K134)
Kredit	Terimaan Tahun Semasa – Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Baharu)	L1221002 (R502-KR-ARU001-0008012301-K134)
Kredit	Belanja (Projek Penyelidikan Asal)	B0100000-B0700000 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Kredit	Pelunasan Tahun Semasa - Geran Penyelidikan Tertunda (Projek Penyelidikan Asal)	L1221003 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Kredit	Pelunasan Geran Penyelidikan (Projek Penyelidikan Baharu)	H0183201 (R502-KR-ARU001-0008012301-K134)

7.2.8 Laporan

Penyediaan Laporan Geran Penyelidikan Tertunda disediakan secara suku tahunan dan tahunan mengikut format yang berkuat kuasa.

7.2.9 Perekodan Baki Awal Tahun

Baki awal tahun geran penyelidikan merupakan aktiviti tahunan bagi merekodkan baki bersih geran penyelidikan tertunda tahun sebelumnya.

Perekodan baki awal tahun geran penyelidikan tertunda akan disediakan selepas Penyata Kewangan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit.

Baki awal tahun geran penyelidikan direkodkan pada bulan pertama tahun kewangan seperti berikut:

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Baki Awal Tahun – Geran Penyelidikan Tertunda (terkumpul tahun terdahulu)	L1221001 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Debit	Terimaan Tahun Semasa – Geran Penyelidikan Tertunda (terkumpul tahun terdahulu)	L1221002 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Debit / Kredit	Pindahan Antara Projek Tahun Semasa -Geran Penyelidikan Tertunda (terkumpul tahun terdahulu)	L1221005 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Kredit	Pelunasan Tahun Semasa - Geran Penyelidikan Tertunda (terkumpul tahun terdahulu)	L1221003 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)
Kredit	Baki Awal Tahun – Geran Penyelidikan Tertunda (baki bersih tahun terdahulu)	L1221001 (R502-KR-ARU004-0000881006-K134)

Nota: Baki awal tahun di akaun L1221001 mesti sama dengan baki keseluruhan projek tahun lalu

8. TARIKH KUATKUASA

- 8.1 Tatacara perakaunan ini berkuat kuasa mulai **1 JANUARI 2026**.
- 8.2 Dengan berkuat kuasanya tatacara perakaunan ini, maka Tatacara Perakaunan Bilangan 1 Tahun 2025 adalah dibatalkan.